

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA KEJOHANAN BOLASEPAK LIMA SEBELAH PIALA TUANKU  
CANSELOR KUKUM PADA 18 SEPTEMBER 2004 DI PADANG BOLASEPAK B  
UiTM, ARAU, PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

MENGADAP KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA TUANKU SYED  
FAIZUDDIN PUTRA IBNI TUANKU SYED SIRAJUDDIN JAMALULLAIL,  
TUANKU CANSELOR KUKUM DAN DULI YANG TERAMAT MULIA TUANKU  
HAJJAH LAILATUL SHAHREEN AKASHAH, RAJA PUAN MUDA PERLIS.

AMPUN TUANKU, SEMBAH PATIK MOHON DIAMPUN,

TERLEBIH DAHULU PATIK BAGI SELURUH WARGA KOLEJ UNIVERSITI  
KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) INGIN MERAFAK SEMBAH,  
MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA DI ATAS PERKENAN DULI  
TUANKU BERDUA MENCEMAR DULI BERANGKAT KE KEJOHANAN  
BOLASEPAK LIMA SEBELAH BAGI MEREBut PIALA TUANKU CANSELOR  
KUKUM 2004 DAN SETERUSNYA MERASMIKAN MAJLIS PENUTUP  
KEJOHANAN YANG BUAT JULUNG-JULUNG KALINYA DIANJURKAN OLEH  
UNIVERSITI INI.

AMPUN TUANKU,

IZINKAN PATIK MENYAMPAIKAN UCAPAN KEPADA BARISAN TETAMU  
YANG HADIR.

YANG BERUSAHA, EN. SHAMSHUL BAHAR YAAKOB, DEKAN HAL EHWAL  
PELAJAR (HEP) KUKUM MERANGKAP PENERUSI KEJOHANAN BOLASEPAK  
LIMA SEBELAH PIALA TUANKU CANSELOR KUKUM,

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

WARGA KERJA DAN MAHASISWA-MAHASISWI KUKUM

DAN PARA PESERTA KEJOHANAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBBAHANU WA TAALA KERANA  
DENGAN LIMPAH KURNIA SERTA REZEKI YANG DICURAHKAN SERTA  
BERKAT KASIH DAN SAYANG-NYA YANG BERTERUSAN MENGIZINKAN  
KITA SEMUA UNTUK BERKUMPUL DI BANDAR DIRAJA, ARAU INI UNTUK  
BERSAMA-SAMA MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM KEJOHANAN  
BOLASEPAK LIMA SEBELAH BAGI MEREPUT PIALA TUANKU CANSELOR  
KUKUM 2004.

TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH  
KEPADA PARA PESERTA YANG TELAH SUDI MENGAMBIL BAHAGIAN  
MENYERTAI KEJOHANAN INI. SOKONGAN YANG MANTAP DARI ANDA  
SEMUA MENJADI PERANGSANG DAN PEMBAKAR SEMANGAT BUAT KAMI  
DI KUKUM INI UNTUK TERUS MELIPATGANDAKAN USAHA DALAM  
MENGANJURKAN APA JUA AKTIVITI DAN PROGRAM YANG MEMBABITKAN  
PENYERTAAN MASYARAKAT DI LUAR KAMPUS DI MASA-MASA AKAN  
DATANG.

TANPA SOKONGAN YANG PADU DAN KENTAL DARI ANDA SEMUA, KUKUM  
TIDAK AKAN MAMPU BERDIRI DENGAN SENDIRI. KUKUM AMAT

MEMERLUKAN SOKONGAN, RESPON MAHUPUN KOMENTAR POSITIF DARI MASYARAKAT SEKELILING BAGI MENGISI PEMBANGUNAN UNIVERSITI INI YANG SEDANG MENITI LANGKAH DEMI LANGKAH SEBELUM MAMPU MENGAPAI IMPIAN DAN CITA-CITA BERGELAR CEMERLANG, GEMILANG DAN TERBILANG.

SYABAS DAN TAHNIAH JUGA DIUCAPKAN KEPADA JAWATANKUASA KEJOHANAN YANG TELAH BERTUNGKUS-LUMUS MERANCANG, MENYUSUN DAN SETERUSNYA MENZAHIRKAN KEJOHANAN INI YANG TELAH BERJAYA MENARIK PENYERTAAN HAMPIR 60 BUAH PASUKAN SEKITAR NEGERI PERLIS DAN KEDAH UTARA YANG MEWAKILI KAKITANGAN DARI PELBAGAI AGENSI KERAJAAN, PERSATUAN-PERSATUAN DAN KELAB-KELAB BOLASEPAK, ORANG PERSEORANGAN, PARA PELAJAR IPTA SERTA IPTS DAN PENDUDUK-PENDUDUK SETEMPAT.

ANDA SEMUA BEGITU BERMINAT DAN MENUNJUKKAN SOKONGAN YANG PADU UNTUK MENYERTAI KEJOHANAN BOLASEPAK LIMA SEBELAH INI BERSANDARKAN KEPADA SEMANGAT KESUKANAN YANG TINGGI DAN JITU. SAYA INGIN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH DAN TAHNIAH DI ATAS SOKONGAN YANG TELAH DIBERIKAN.

SESUNGGUHNYA KEJOHANAN INI MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA PERANCANGAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) BAGI MERAIKAN PERLANTIKAN D.Y.M.M. TUANKU SYED FAIZUDDIN PUTRA JAMALULLAIL SEBAGAI TUANKU CANSELOR KUKUM YANG PERTAMA.

UPACARA PEMASYHURAN TERSEBUT TELAH PUN DISEMPURNAKAN DALAM SUASANA PENUH GILANG-GEMILANG DAN ADAT ISTIADAT TRADISI UNIVERSITI PADA 17 JULAI 2004 YANG LALU.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

PENGANJURAN KEJOHANAN BOLASEPAK LIMA SEBELAH MEREBut PIALA TUANKU CANSELOR KUKUM INI SECARA TIDAK LANGSUNG DAPAT MEMBERI PELUANG KEPADA MASYARAKAT DI LUAR KAMPUS UNTUK MENGENALI UNIVERSITI INI DENGAN LEBIH DEKAT. SEJAK TERTUBUHNya UNIVERSITI INI KIRA-KIRA DUA TAHUN YANG LEPAS DI BUMI YANG BERTUAH PERLIS INDERA KAYANGAN INI, NAMA KUKUM SUDAH MULA SINONIM DENGAN MASYARAKAT SETEMPAT.

PUN BEGITU, SAYA PERCAYA KEFAHAMAN TENTANG PERANAN DAN FUNGSI KUKUM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI TEKNIKAL MASIH BELUM BENAR-BENAR DISEDARI. MUNGKIN KETERBATASAN PELUANG UNTUK BERINTERAKSI DENGAN WARGA KUKUM ATAU KEKANGAN MASA YANG MENGHAMBAT KOMITMEN DAN PROFESION MASING-MASING.

JUSTERU ITU, SAYA MERASAKAN KAEDAH DAN PENDEKATAN ALTERNATIF TERBAIK UNTUK TERUS MEMPERKENALKAN KUKUM KEPADA MASYARAKAT AWAM IALAH DENGAN PENGANJURAN AKTIVITI BERSUKAN ATAU BERIADAH SEBEGINI.

UMUM MENGETAHUI IMPAK POSITIF YANG BOLEH DI RAIH HASIL ANJURAN SESUATU KEJOHANAN SUKAN. DI LIHAT SECARA RASIONAL, IA ADALAH MEDIUM TERBAIK UNTUK MENGHIMPUNKAN MANUSIA DARI SEGENAP PELUSUK DUNIA TANPA MENGIRA STATUS, FAHAMAN POLITIK, WARNA KULIT, AGAMA DAN BANGSA UNTUK SALING MENGENALI DAN BERINTERKASI ATAS NAMA SEBUAH PERSAHABATAN DAN SILATURRAHIM YANG TIDAK TERHITUNG NILAI HARGANYA.

DI KESEMPATAN INI, SAYA INGIN MENYERU KEPADA SEMUA PARA PESERTA KEJOHANAN UNTUK TERUS MEMELIHARA SEMANGAT

KESUKANAN YANG TINGGI SEMASA KEJOHANAN INI BERLANGSUNG. ADAT BERTANDING, SUDAH PASTI ADA YANG BERGELAR JUARA DAN SUDAH PASTI JUGA ADA YANG TEWAS. JANGAN LAH KITA TERLALU BERSIKAP EMOSIONAL HINGGA TERLUPA KEPADA BATAS-BATAS DAN NORMA-NORMA MANUSIA YANG RASIONAL DAN BERTINDAK DI LUAR KEWARASAN.

SEMAI DAN TANAMKAN DALAM DIRI MASING-MASING, 'SPORT IS FUN'. SAYA PERCAYA JIKA SIKAP POSITIF BEGINI DAPAT DIPERTAHANKAN, HUBUNGAN UKHUWAH DAN PERSAHABATAN KITA AKAN MELANGKAUI JANGKAAN. KITA BUKAN SAHAJA PULANG DENGAN KENANGAN YANG MANIS TETAPI DALAM MASA YANG SAMA JUGA MEMPEROLEHI PENGALAMAN DAN SAHABAT-SAHABAT SEPERMAINAN YANG BARU YANG KITA SENDIRI TIDAK PERNAH TERFIKIRKAN.

SAYA JUGA PERCAYA HASIL DARI PENGANJURAN KEJOHANAN INI, IA JUGA SECARA TIDAK LANGSUNG MAMPU MENCUNGKIL BAKAT-BAKAT BARU BOLASEPAK YANG BOLEH DI MAJU DAN DIKETENGAHKAN HINGGA KE PERINGKAT YANG LEBIH TINGGI SEPERTI MEWAKILI NEGERI DAN NEGARA.

MALAYSIA AMAT MEMERLUKAN BAKAT-BAKAT BARU DAN PELAPIS DALAM KANCAH BOLASEPAK BAGI MENGALAS CABARAN NEGARA DI KEJOHANAN-KEJOHANAN BERTARAF ANTARABANGSA. TUAH AYAM NAMPAK DI KAKI, TUAH MANUSIA TIADA SIAPA YANG TAHU. INSYALLAH, HASIL KEJOHANAN INI AKAN TERLAHIR SEORANG DUA MUTIARA BOLASEPAK NEGARA YANG KITA CARI-CARI SELAMA HARI INI.

SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN SAYA PADA HARI INI, SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA PARA PESERTA YANG TELAH SUDI MENGAMBIL BAHAGIAN. SAYA AMAT POSITIF JIKA

SOKONGAN YANG PADU BEGINI, KUKUM TIDAK AKAN MENGHADAPI SEBARANG MASALAH DALAM MENGANJURKAN KEJOHANAN INI DI MASA-MASA AKAN DATANG.

ANDAI TERDAPAT SEBARANG KEKURANGAN, SAYA AMAT BERHARAP TUAN-TUAN SEMUA DAPAT MELONTAR DAN MEMAJUKAN SEBARANG IDEA. SARANAN ITU AMAT PENTING BUAT KAMI MELAKUKAN SEBARANG PENAMBAHBAIKAN AGAR KEJOHANAN INI MENJADI BERTAMBAH MERIAH DAN BERPRESTIJ.

SYABAS DAN TAHNIAH SEKALI LAGI KEPADA JAWATANKUASA KEJOHANAN KERANA USAHA GIGIH YANG TELAH DIKERAH BAGI MEMASTIKAN KELANCARAN KEJOHANAN BOLASEPAK LIMA SEBELAH INI. SEKIAN, TERIMA KASIH.

AMPUN TUANKU,

SEKIAN SAHAJA UCAPAN PATIK. AKHIR KATA, PATIK MEWAKILI SELURUH WARGA KUKUM INGIN MERAFAK SEMBAH, MENJUNJUNG KASIH YANG TIDAK TERHINGGA SEKALI LAGI KEPADA KE BAWAH DULI TUANKU BERDUA KERANA TELAH SUDI MENCEMAR DULI BERANGKAT KE KEJOHANAN BOLASEPAK LIMA SEBELAH PIALA TUANKU CANSELOR KUKUM 2004. PATIK SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.